

APAKAH PERANAN ANDA?

ANDA SELAKU ORANG AWAM BERHAK UNTUK MENGEMUKAKAN PENDAPAT / CADANGAN ATAU BANTAHAN TERHADAP DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS PULAU TUBA, LANGKAWI 2012-2017 YANG DISEDIKAN MELALUI PAMERAN YANG SEDANG DIJALANKAN.

APA YANG PERLU ANDA LAKUKAN?

SEMAK SALINAN LAPORAN DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS PULAU TUBA, LANGKAWI 2012-2017 YANG DISEDIKAN DI TEMPAT-TEMPAT PAMERAN DAN LAMAN WEB <http://epublisiti.townplan.gov.my>.

SEKIRANYA ANDA INGIN MENGEMUKAKAN PENDAPAT/ CADANGAN / BANTAHAN, ANDA BOLEH MENGISI BORANG BANTAHAN YANG DISEDIKAN ATAU MELALUI SURAT ATAU MEMORANDUM.

BORANG / SURAT / MEMORANDUM HENDAKLAH DISERAHKAN KEPADA PETUGAS PAMERAN ATAU DIHANTAR MELALUI FAKS ATAU E-MAIL SEBELUM **31 OKTOBER 2013** KE ALAMAT BERIKUT:

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN,
07000 KUAH, LANGKAWI
KEDAH DARUL AMAN**

FAKS: 04-9671773

E-MAIL : ydp@mplbp.gov.my



<http://epublisiti.townplan.gov.my>

PAMERAN

Draf

RANCANGAN KAWASAN KHAS PULAU TUBA, LANGKAWI 2012-2017

23 SEPTEMBER HINGGA 22 OKTOBER 2013

❖ JETI PULAU TUBA, Pulau Tuba, Langkawi

❖ JETI PELANCONGAN PEKAN RABU, Kuah, Langkawi

(Ahad – Rabu : 10.30 pagi – 4.30 petang)

(Khamis : 10.30 pagi – 3.30 petang)

❖ PEJABAT MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA
PELANCONGAN, Kuah, Langkawi

❖ PEJABAT JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
NEGERI KEDAH

Aras 10, Bangunan Sultan Abdul Halim, Alor Setar

❖ KOMPLEKS URBAN TRANSFORMATION CENTER (UTC) KEDAH
Ruang Legar, Aras 3, Kompleks UTC Kedah, Alor Setar

(Ahad – Rabu : 8.30 pagi – 4.30 petang)

(Khamis : 8.30 pagi – 3.30 petang)

Tempat
& Masa
(Hari Berkerja
Sahaja)



“KEDAH AMAN MAKMUR : BERSAMA MEMACU TRANSFORMASI”

RINGKASAN CADANGAN

TERAS 1

PEMBANGUNAN FIZIKAL & PENGURUSAN SUMBER

Peningkatan Imej PPD Kampung Tuba

Menaiktaraf Pondok Polis Pulau Tuba

Menaiktaraf Kemudahan Di Kawasan Tarikan Pelancongan

Pembinaan Jajaran Jalan Pesisiran Pantai Panorama Indah (*Scenic Drive*)

Sistem Pengurusan Sampah Dan Sisa Pepejal

Penyediaan Pelan Pengurusan Alam Sekitar

Pembangunan Institusi Pengajian & Penyelidikan

APA ITU RANCANGAN KAWASAN KHAS?

Rancangan Kawasan Khas Pulau Tuba, adalah dokumen yang menjelaskan halatuju dan perancangan strategik pembangunan fizikal di Pulau Tuba bagi tempoh perancangan dari tahun 2012 hingga 2017. Rancangan Kawasan Khas Pulau Tuba disediakan mengikut peruntukan subseksyen 16B(1), (2) dan (3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

MENGAPA RANCANGAN KAWASAN KHAS PULAU TUBA DISEDIAKAN?

Pulau Tuba masih belum mempunyai pelan komprehensif bagi mengintegrasikan program pembangunan luar bandar dengan perancangan fizikal. RKK Pulau Tuba dapat memberi panduan kepada agensi-agensinya pelaksana dalam mengenalpasti projek dan menyelesaikan isu-isu tempatan yang memerlukan tindakan segera.

RKK Pulau Tuba memberi panduan dalam memastikan khazanah semulajadi dapat dibangunkan secara mampan, disamping memberi keutamaan kepada memperkasakan komuniti tempatan dan peningkatan ekonomi.

TERAS 2

PEMBANGUNAN EKONOMI YANG BERDAYA MAJU, BERDAYA SAING & BERDAYA TAHAN

Mempertingkatkan Daya Tarikan & Promosi Pelancongan Pulau Tuba.

Mempromosi Pelancongan Pulau Tuba.

Mempertingkatkan Kemahiran Penduduk Tempatan Dalam Sektor Pelancongan

Meneroka Produk Pertanian Baru Yang Mempunyai Nilai Komersil.

Penternakan Ikan Dalam Sangkar

Galakan / Peluang Penduduk Dalam Perusahaan Kecil & Sederhana.

Pasar Malam Berhampiran Jeti Pulau Tuba

TERAS 3

MEMPERKASA KOMUNITI TEMPATAN

Program Pembangunan Minda Insan / Motivasi

Latihan Pembangunan Akademik Sukan Dan Sosio-Budaya

Kursus Pengendalian Kapal

Program Latihan & Bimbingan Perniagaan Dan Keusahawanan



Objektif


Merancang Pembangunan Fizikal Pulau Tuba Sebagai Pulau Kediaman Dan Pelancongan Yang Mampan.

Memperkasakan Komuniti Tempatan Melalui Program Pembangunan Insan, Aktiviti Ekonomi Dan Penglibatan Dalam Pelancongan.

Meningkatkan Hubungkait Perkongsian Aktiviti Di Pulau Tuba Dan Kawasan Sekitar Sebagai Peluang Dalam Sektor Pelancongan.

Matlamat

PULAU TUBA SEBAGAI PULAU KEDIAMAN & PELANCONGAN YANG SEJAHTERA DAN MAMPAN




PROFIL

Keluasan : 1,724 hektar
Penduduk : 1,800 orang

GUNATANAH UTAMA 2012



Konsep Pembangunan PULAU TUBA



Menyusun semula aktiviti dan tarikan Pulau Tuba dalam mewujudkan hubungkait antara aktiviti.

Kg. Tuba sebagai pusat perkhidmatan penduduk & pelancong.

Meningkatkan jumlah pelawat / pelancong ke Pulau Tuba

Pelancongan eko sebagai tarikan utama pengunjung

Meningkatkan peluang penglibatan penduduk dalam bidang pelancongan & IKS